



FOKUS

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@mediaprime.com.my

Perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang ke Sandakan, Sabah mengambil masa dua jam setengah.

Tempoh berkenaan agak singkat bagi pengangkutan udara, selain menjimatkan masa perjalanan.

Atas faktor itu tiga pakar Universiti Putra Malaysia (UPM) dapat berulang-alik ke Negeri Di Bawah Bayu untuk melaksanakan misi khas.

Ia menjadi rutin bulanan kepada mereka melaksanakan program pemindahan ilmu membabitkan komuniti dan industri se-tempat selama dua tahun.

Tiga pakar itu ialah Prof Dr Mohd Zamri Saad selaku pakar kesihatan bersama

dua rakan penyelidik, Prof Madya Dr Azhar Kasim dari Fakulti Pertanian (pakar pemakanan) dan Prof Dr Md Zuki Abu Bakar dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) (pakar pembiakan).

Jemputan Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm) UPM menerusi Ketua Seksyen Media dan Publisiti Pejabat Pemasaran dan Komunikasi UPM, Khairul Anuar Muhamad Noh mempertemukan penulis dengan tiga pakar terbabit.

Lawatan ke Projek Ladang Penyelidikan dan Pembiakan Kerbau, Telupid, Sabah dari 9 hingga 12 Februari lalu mendapat kerjasama Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah.

Telupid dipilih untuk program itu kerana menjadi pusat pembiakan kerbau utama di negara ini, selain pembekal kerbau menerusi skim pawah kerbau.

Lokasi pertama dilawati ialah Pejabat Pusat Pembiakan dan Penyelidikan Kerbau, Projek Pembangunan Payau I, Telupid.

Taklimat disampaikan Penolong Pengarah Pembangunan Sumber Genetik, Dr Punimin Abdullah, Pengurus Ladang Pusat Pembiakan dan Penyelidikan Kerbau Telupid Jafred Eligius Tudok dan pegawai penyelidik, Dr Radiah Othman.

Kemudian, kami dibawa melawat Ladang Kerbau Telupid berkeluasan 303 hektar yang menempatkan anak kerbau baka bubalus, murrah, murrah cross dan kerbau putih.

Ladang itu juga menempatkan kerbau dara, betina muda, anak betina, pejantan, jantan muda dan anak jantan.

Banyak maklumat penulis dapat daripada kunjungan itu termasuk daging kerbau dalam budaya masyarakat tempatan dan mengapa kerbau gemar



DR Azhar melihat hasil penyelidikan kumpulan penyelidiknya.

berkubang.

Haiwan itu berkubang untuk menyedutkan badan kerana tidak mempunyai kelenjar peluh.

Hari ketiga, penulis berpeluang melihat tiga pakar berganding bahu melakukan aktiviti kajian dan persampelan bagi mendiagnosis kebuntingan kerbau.



Dr Mohd Zamri (dua dari kiri) bergambar kenangan di depan pejabat pusat pembiakan dan penyelidikan kerbau.

Jana produktiviti kelahiran kerbau

Kaji selidik hasil peningkatan 68 peratus



50 ekor setahun.

"Jika ketika itu hanya ada 300 pembiak, peratus kelahirannya tidak sampai 25 peratus. Projek ini untuk meningkatkan kadar kelahiran," katanya.

Mensasarkan kadar kelahiran sebanyak 60 peratus katanya, tiga isu utama perlu ditangani iaitu mempertingkatkan pemakanan, mengekalkan tahap kesihatan dan program pembiakan kerbau.

"Isu berhubung pemakanan diuruskan pakar pemakanan, Dr Azhar, pembiakan oleh Dr Md Zuki dan saya pula dipertanggungjawabkan untuk bahagian kesihatan," katanya.

Fasa pertama projek itu menumpukan kepada bahagian pemakanan.

Dr Mohd Zamri yang juga ketua projek berkata, idea membuka ladang itu bagi memperbaiki kaerah pemeliharaan supaya peratus kebuntingan atau beranak bagi kerbau meningkat.

"Sebelum ini, pengurusan ladang merekodkan kelahiran kerbau sebanyak

"Pemakanan antara isu yang cuba diselesaikan. Di situ Dr Azhar melihat keadaan pastura (rumput) sebelum menambah keluasan padang ragut sebanyak 20 hektar.

"Ini termasuk memperingkatkan sistem pembajaan bagi mendapatkan rumput berkualiti sekali gus menambah kualiti protein daripada tujuh kepada 12 peratus," katanya.

Selain meningkatkan kualiti rumput menerusi kaedah pemulihan dan regim pembajaan termasuk penggunaan baja organik, kesesuaian rumput perlu diambil kira atau ia mencukupi untuk kerbau pembiak.

"Jika ingin membiak kerbau, makanan tambahan seperti dedak perlu diberikan antara 1.5 hingga dua kilogram seekor sehari selama dua minggu.

"Proses itu diperlukan sebelum meletak pejantan," katanya.

Usaha memperbaiki rumput dan makanan tambahan membolehkan 90 peratus daripada kerbau pembiak

"Tiga bulan kemudian pemeriksaan kebuntingan dilakukan," katanya.

Kerbau betina yang bunting diasangkan manakala bakinya diberikan makanan selama dua minggu sebelum proses mengawan.

"Selepas tiga bulan, kami melakukan sekali lagi ujian kebuntingan. Mana yang tidak bunting akan melalui prosedur kebuntingan kali ketiga.

"Jika masih tidak bunting, kerbau betina tidak dipilih sebagai pembiak dan terserah kepada pengurusan ladang sama ada mahu menjual atau menyembelih," katanya.

Dr Mohd Zamri berkata, keputusan daripada projek itu cukup membanggakan kerana peratus kelahiran anak mencapai tahap 68 peratus.

"Sebelum ini kadar kelahiran antara 20 hingga 25 peratus saja. Daripada 140 ekor yang menjalani prosedur kebuntingan kali pertama, 95 daripadanya bunting," katanya.

Kelebihan kerbau ialah haiwan itu dapat menukar makanan lebih baik berbanding lembu.

"Jika diberi rumput biasa pun kenaikan berat badan kerbau lebih baik berbanding

lembu.

"Sebab itu, bila bagi dedak, kenaikan berat badan lebih cepat tetapi jika untuk tujuan fidlot, lebih baik diberi makanan biasa," katanya.

UPM kini menggunakan protokol pembiakan kerbau di ladang untuk diadaptasi oleh peternak kecil.

"Dua tahun kami berulang alik untuk melihat perkembangan projek ini dan ini saja pusat pembiakan di Malaysia untuk biak baka kerbau," katanya.

Kumpulan penyelidik itu juga dalam proses mendapatkan geran tambahan bagi melaksanakan penyelewikan ke atas anak kerbau.

"Dulu ladang ini menge luarkan 50 ekor anak kerbau setahun, dan bilangannya perlu dipertingkatkan sekali ganda kepada 100 ekor.

"Kami juga mengkaji proses cerai susu daripada enam kepada tiga bulan bagi membolehkan kerbau betina bunting segera berbanding tempoh dua tahun untuk kelahiran anak seterusnya.

"Bila cerai susu kita nak lihat sama ada ia ada kesan pada anak, selain kadar pertumbuhan dan kematian ada kesan atau sebaliknya," katanya.

ANAK kerbau mendapat makanan yang diproses.

DR Mohd Zamri (dari kiri), Jafred Eligius dan Dr Rafidah melihat anak kerbau di Unit Fidlot.

mempunyai skor badan melepas tiga ke atas (kategori baik).

"Ini penting kerana sasaran untuk kerbau dibiakkan mesti mempunyai skor tubuh tiga hingga lima.

Untuk projek berkenaan katanya 158 daripada 200 kerbau dipilih untuk menjalani proses pembiakan.

Dari aspek kesihatan katanya, ladang itu tidak menghadapi masalah penyakit kuku dan mulut (FMD), selain mengamalkan pemvaksinan terhadap penyakit hawar berdarah.

"Selepas haiwan sudah bersedia, baru kami melakukan pembiakan dengan nisbah seekor pejantan untuk 20 betina.

DR Md Zuki (dari kiri), Dr Azhar dan Dr Mohd Zamri puas hati dengan hasil pembiakan kerbau di Telupid.